



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia

ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA
Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Telefon : 03-8880 3500
Emel : cr@kehakiman.gov.my

YBrs. Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBrs. Tuan, YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara telah mengambil maklum berhubung permohonan Jawatankuasa Peguam Selangor (melalui surat bertarikh 29 Januari 2024) memohon mendapatkan kebenaran penangguhan kes di Mahkamah-Mahkamah oleh Peguam-Peguam di Negeri Selangor yang ingin menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Jawatankuasa Peguam Selangor Yang ke-59 yang akan diadakan pada **22 Februari 2024 pukul 2.00 petang**.

3. Sehubungan dengan itu, adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa YAA Ketua Hakim Negara tiada halangan atas permohonan Peguam-Peguam untuk menangguhkan kes-kes di Mahkamah-Mahkamah pada **22 Februari 2024** bagi menghadiri program Mesyuarat Agung Tahunan tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan untuk melapangkan kes-kes tersebut hendaklah dibuat terus kepada Mahkamah-Mahkamah yang berkenaan oleh Peguam-Peguam yang terlibat dengan Mesyuarat ini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

t.t.

(ZAMRI BIN BAKAR)

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman, Putrajaya

No. Tel: 03-88803782 (pejabat)

E-mel: [zamribakar\[at\]kehakiman\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:zamribakar[at]kehakiman[dot]gov[dot]my)